



**KENYATAAN MEDIA YANG BERHORMAT MENTERI KPKT
BERHUBUNG LAPORAN SIASATAN JAWATANKUASA
PENGURUSAN PEROLEHAN DAN PENYENGGARAAN 242 UNIT
*FIRE RESCUE TENDER (FRT)***

1. Harian Metro (HM) pada 15 April 2019 telah mengeluarkan satu laporan bertajuk “Jentera RM165 Juta Tersadai” berhubung 97 unit jentera bomba yang dibeli pada tahun 2007, 2010 dan 2014 mengalami kerosakan besar dalam jangka waktu singkat.
2. Susulan itu, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 17 April 2019 telah bersetuju supaya satu Jawatankuasa Siasatan (JKS) ditubuhkan bagi menjalankan siasatan berkaitan pengurusan perolehan dan penyenggaraan 242 Unit *Fire Rescue Tender (FRT)*.
3. Jawatankuasa Siasatan telah memulakan siasatan pada 19 April 2019 sehingga 30 Jun 2019. Siasatan dijalankan dengan membuat lawatan ke Pusat Kejuruteraan Salak Tinggi, Kejuruteraan Jentera Negeri Selangor dan Kejuruteraan Jentera Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
4. Hasil siasatan JKS mendapati bahawa pihak Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membuat perolehan FRT tersebut pada tahun 2007, 2011 dan 2012 dan usia jentera-jentera FRT tersebut telah mencapai antara 7 hingga 12 tahun.

TAHUN	BILANGAN JENTERA
2007	42
2011	100
2012	100
JUMLAH	242

5. Dakwaan 97 unit FRT tersadai akibat kerosakan *Power Take Off* (PTO) adalah tidak tepat. Ini adalah kerana hasil siasatan mendapati kerosakan pada jentera bukanlah hanya disebabkan oleh kerosakan PTO semata-mata tetapi juga kerosakan-kerosakan lain yang berpunca daripada **kekerapan penggunaan jentera bagi tujuan operasi pemadaman kebakaran, penyelamatan & khidmat kemanusiaan dan tugas-tugas khas** oleh Balai Bomba dan Penyelamat seluruh negara. Sebagai contoh, bagi negeri Selangor purata panggilan operasi adalah sebanyak 17,161 setahun atau 536 operasi bagi setiap jentera FRT setahun atau 44 panggilan operasi sebulan.
6. Dengan usia jentera FRT yang telah mencapai usia antara 7 hingga 12 tahun, purata kerosakan sebanyak 10 kali bagi setiap jentera adalah sesuatu yang normal. Berikutan penggunaan yang tinggi maka ianya wajar ditukar kepada jentera baru bagi melancarkan operasi pihak JBPM.
7. Selain daripada itu, perlu untuk dinyatakan di sini bahawa status 97 unit jentera FRT adalah seperti berikut;

KETERANGAN	JUMLAH (UNIT)	PERATUS (%)
BAIK	60	61.9
DALAM PROSES PEMBAIKAN	13	13.4
DALAM PROSES SEBUTHARGA	10	10.3
DALAM TINDAKAN PENYALURAN PERUNTUKAN	8	8.2
DALAM SIASATAN (KEMALANGAN)	1	1.0
DALAM PROSES PEMERIKSAAN	3	3.1
DALAM PROSES PELUPUSAN	2	2.1
JUMLAH KESELURUHAN	97	100

8. Isu pembekal gagal menyediakan reka bentuk, peralatan dan pemasangan yang betul adalah tidak benar kerana pihak JBPM

telah memastikan semua proses penyediaan rekabentuk dan spesifikasi jentera dipatuhi. Oleh itu, Jawatankuasa mendapati isu yang dibangkitkan adalah tidak timbul sama sekali.

9. Kementerian sentiasa memastikan cadangan peruntukan penyenggaraan jentera bomba disediakan dan dibentangkan kepada Kementerian Kewangan melalui Perbelanjaan Mengurus setiap tahun. Sekiranya peruntukan penyenggaraan tidak mencukupi, permohonan peruntukan tambahan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian, tidak timbul isu pemotongan peruntukan bagi tujuan penyenggaraan oleh Kementerian ini seperti mana laporan akhbar.
10. Kementerian mengambil serius terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Harian Metro bertarikh 15 April 2019 yang mana ianya telah menjejaskan nama baik Kementerian dan JBPM secara khususnya sebagai sebuah Jabatan yang penting dalam pencegahan, pemadaman kebakaran dan khidmat kemanusiaan.

YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan